



# Prestasi PMKS | Bab di Malaysia 2





## Bab 2

# Prestasi PMKS di Malaysia

Krisis kesihatan yang tidak pernah berlaku sebelum ini susulan pandemik COVID-19 telah menjelaskan sebahagian besar perniagaan terutamanya PMKS. Selepas prestasi yang merosot pada tahun 2020, PMKS kembali pulih secara beransur-ansur dengan petunjuk makroekonomi utama kembali kepada pertumbuhan positif pada tahun 2021 dalam persekitaran global dan dalam negeri yang mencabar. PMKS telah mendapat semula momentum perniagaan dari segi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), guna tenaga dan eksport namun sumbangan PMKS kepada ekonomi Malaysia telah menurun memandangkan bukan PMKS pulih pada kadar yang lebih pantas pada tahun tersebut.

### GAMBARAN KESELURUHAN KDNK PMKS PADA 2016 - 2020

Penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) pada tahun 2004 telah memberi pelbagai sokongan kepada pembangunan PMKS di Malaysia. Semasa Rancangan Malaysia Keselbelas (RMKe-11) bagi tempoh 2016 - 2020, landskap PMKS telah berkembang dengan baik. Dari segi profil, terdapat sejumlah 1,151,339 PMKS pada tahun 2020 yang merangkumi 97.2% daripada jumlah pertubuhan di Malaysia, berbanding 1,086,533 PMKS yang direkodkan pada tahun 2016. Terdapat peningkatan hampir 65,000 pertubuhan, dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 4.9% setiap tahun dari tahun 2016 sehingga 2020.

Melihat kepada prestasi PMKS sepanjang tempoh lima tahun tersebut, KDNK PMKS telah berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.3% setiap tahun dengan sumbangan kepada keseluruhan ekonomi meningkat sedikit sebanyak 0.8 mata peratusan, daripada 37.3% pada tahun 2016 kepada 38.1% pada tahun 2020 (rujuk Jadual 2.1). Dari segi nilai, KDNK PMKS pada harga malar tahun 2015 bernilai RM512.9 bilion pada tahun 2020 berbanding RM458.7 bilion yang dijana pada tahun 2016. Analisis mendalam terhadap prestasi mengikut sektor menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan kekal sebagai sektor utama yang menyumbang, diikuti oleh pembuatan dan pertanian. Semua sektor mencatatkan peningkatan kecil dari segi sumbangan bahagian masing-masing kepada ekonomi keseluruhan, kecuali pembinaan yang telah menurun sebanyak 0.3 mata peratusan.

Impak kejutan ekonomi tersebut telah dicerminkan melalui petunjuk makroekonomi utama memandangkan pandemik telah menjelaskan prestasi PMKS dalam tempoh lima tahun tersebut. Membandingkan situasi sebelum pandemik (2016 - 2019), PMKS mengalami prestasi yang lebih kukuh dengan kadar pertumbuhan purata tahunan hampir dua kali ganda lebih tinggi iaitu 6.2% berbanding 3.3% pada tahun 2016 - 2020. Sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai penyumbang utama aktiviti KDNK PMKS dengan kedua-dua sektor ini mewakili lebih 80% daripada KDNK PMKS. Menyedari kesan pandemik, semua sektor pada tahun 2020 mencatatkan sumbangan yang lebih rendah kepada KDNK PMKS berbanding tahun 2019 kecuali sektor pembuatan dan pertanian kerana kebanyakan industri di bawah sektor ini dikategorikan sebagai industri perlu (*essential industries*) yang dibenarkan beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jadual 2.1: KDNK PMKS mengikut Sektor Ekonomi (harga malar tahun 2015)

Sektor	Sumbangan PMKS kepada KDNK			Peningkatan / Penurunan dalam Sumbangan		Pertumbuhan KDNK PMKS (%)	
	2016 (% sumbangan)	2019 (% sumbangan)	2020 (% sumbangan)	2019 vs 2016	2020 vs 2016	CAGR <sup>1</sup> 2016 - 2019	CAGR <sup>1</sup> 2016 - 2020
Perkhidmatan	22.8	24.6	23.7	+1.8	+0.9	7.4	3.9
Pembuatan	7.6	7.7	7.9	+0.1	+0.3	5.4	3.7
Pertanian	4.0	3.8	4.0	-0.2	0.0	2.0	1.5
Pembinaan	2.3	2.2	1.9	-0.1	-0.3	4.4	0.1
Perlombongan & Pengkuarian	0.2	0.2	0.2	0.0	0.0	10.3	6.4
<b>Jumlah</b>	<b>37.3</b>	<b>38.9</b>	<b>38.1</b>	<b>+1.6</b>	<b>+0.8</b>	<b>6.2</b>	<b>3.3</b>

<sup>1</sup> CAGR merujuk kepada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (pertumbuhan asas sebanyak 7.9% pada tahun 2014)


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PRESTASI KDNK PMKS PADA TAHUN 2021

Pandemik COVID-19 telah menjelaskan ekonomi Malaysia dan memberi impak yang ketara kepada kesejahteraan perniagaan. Walau bagaimanapun, PMKS mampu bertahan dan pulih secara beransur-ansur pada tahun 2021. Pertumbuhan KDNK PMKS berkembang sedikit sebanyak 1.0% berbanding -7.3% pada tahun 2020 yang merupakan penguncupan paling rendah sejak statistik KDNK PMKS mula diterbitkan pada tahun 2000 (rujuk Carta 2.1). Dari segi nilai, KDNK PMKS pada harga malar tahun 2015 bernilai RM518.1 bilion pada tahun 2021 (2020: RM512.9 bilion). Sebagai perbandingan, kadar pertumbuhan PMKS tidak mengatasi pertumbuhan bukan PMKS memandangkan bukan PMKS berkembang dengan lebih pantas sebanyak 4.4% pada tahun tersebut. Oleh itu, sumbangan PMKS kepada keseluruhan KDNK menurun kepada 37.4% berbanding 38.1% yang dicapai pada tahun 2020 (rujuk Carta 2.2).

Carta 2.1: Pertumbuhan KDNK PMKS, KDNK Bukan PMKS dan KDNK Keseluruhan (%)


<sup>1</sup> Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PKS bagi 2013<sup>2</sup> Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu PKS bagi 2013<sup>3</sup> Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu PKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama PKS bagi 2013

p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan SME Corp. Malaysia

Memandangkan PMKS berada dalam tempoh pemulihan, peningkatan dan kadar pemulihan adalah tidak sekata merentas sektor. Pemerhatian secara lebih mendalam terhadap prestasi mengikut sektor pada tahun 2021 menunjukkan bahawa pertumbuhan KDNK PMKS didorong oleh sektor pembuatan dan pertanian, terutamanya industri berkaitan getah dan kimia dengan PMKS dalam industri ini mendapat manfaat daripada permintaan yang disebabkan oleh pandemik. Sementara itu, PMKS dalam sektor perkhidmatan, pembinaan dan perlombongan & pengkuarian mencatatkan penguncutan yang lebih kecil berbanding tahun sebelumnya (rujuk Jadual 2.2). Penguncutan sepanjang tahun tersebut sebahagian besarnya adalah berpunca daripada pelaksanaan PKP dan pelbagai langkah pembendungan yang dilaksana termasuk sekatan perjalanan iaitu larangan perjalanan antara daerah dan antara negeri, penutupan sementara perniagaan dan aktiviti sosial yang dihadkan. Namun, kemajuan pesat dalam pemvaksinan, penerapan pendigitalan & automasi yang lebih tinggi serta kebolehsesuaian firma kepada norma baharu sebahagiannya telah mengurangkan impak negatif.

Carta 2.2: Nilai KDNK PMKS dan KDNK Keseluruhan (harga malar tahun 2015)



p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2.2: Pertumbuhan KDNK PMKS dan KDNK Keseluruhan mengikut Sektor Ekonomi (harga malar tahun 2015)

Sektor	Pertumbuhan Tahunan (%)		
	KDNK PMKS 2020	KDNK PMKS 2021	KDNK Keseluruhan 2021
Perkhidmatan	-9.0	-1.2	1.9
Pembuatan	-2.9	8.5	9.5
Pertanian	-0.7	1.9	-0.2
Pembinaan	-15.4	-4.6	-5.2
Perlombongan & Pengkuarian	-8.1	-3.1	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>-7.3</b>	<b>1.0</b>	<b>3.1</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Membandingkan pertumbuhan antara PMKS dan ekonomi keseluruhan, dapat dilihat bahawa PMKS dalam sektor perkhidmatan dan perlombongan & pengkuarian adalah lebih terjejas oleh pandemik iaitu masing-masing pada -1.2% (berbanding 1.9% yang dicatatkan oleh KDNK keseluruhan) dan -3.1% (berbanding 0.3% oleh KDNK keseluruhan). Kemerosotan yang lebih besar dalam sektor perkhidmatan PMKS sebahagiannya disebabkan oleh kejatuhan industri pelancongan dengan sebahagian besar PMKS (55.6%) kebanyakannya terlibat dalam industri berkaitan pelancongan. Selain itu, PMKS dalam sektor pertanian adalah lebih berdaya tahan berbanding keseluruhan pemain (1.9% berbanding -0.2%) pada tahun tersebut. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan kukuh terhadap getah, kelapa sawit, penerangan dan pertanian lain yang menyumbang lebih 80% daripada nilai ditambah PMKS dalam sektor pertanian. Tanaman pertanian dan aktiviti penerangan juga mempunyai penglibatan yang tinggi oleh PMKS berbanding bukan PMKS.

Dari segi sumbangan mengikut aktiviti ekonomi, meskipun sektor perkhidmatan mengalami prestasi yang kurang menggalakkan, sektor ini kekal menjadi penyumbang utama dengan merangkumi majoriti 60.8% daripada KDNK PMKS pada tahun 2021 (rujuk Jadual 2.3). Selain itu, sumbangan yang lebih tinggi dicatatkan bagi sektor pembuatan dan pertanian masing-masing sebanyak 22.3% (2020: 20.7%) dan 10.5% (2020: 10.4%). Sebaliknya, sumbangan PMKS dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan menyusut secara ketara pada tahun 2021, manakala sektor perlombongan & pengkuarian merupakan penyumbang terkecil iaitu sebanyak 0.5%.

Jadual 2.3: Sumbangan KDNK PMKS dan KDNK Keseluruhan mengikut Sektor Ekonomi (harga malar tahun 2015)

Sektor	Sumbangan Peratusan kepada Keseluruhan (%)		
	KDNK PMKS 2020	KDNK PMKS 2021	KDNK Keseluruhan 2021
Perkhidmatan	62.1	60.8	57.0
Pembuatan	20.7	22.3	24.3
Pertanian	10.4	10.5	7.1
Pembinaan	5.1	4.8	3.7
Perlombongan & Pengkuarian	0.5	0.5	6.7
Campur: duti import	1.1	1.1	1.1
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Perkhidmatan


Tanda pemulihan secara beransur-ansur dapat dilihat bagi PMKS dalam sektor perkhidmatan apabila mereka mencatatkan penguncutan yang lebih kecil sebanyak 1.2% pada tahun 2021 berbanding penguncutan 9.0% yang dicatatkan pada tahun 2020. Momentum pemulihan didorong oleh PMKS dalam pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi yang meningkat semula kepada 2.9% (2020: -11.2%) (rujuk Carta 2.3). Penemuan terperinci menunjukkan bahawa subsektor pengangkutan & penyimpanan mendapat manfaat daripada peningkatan penggunaan perkhidmatan penghantaran. Sementara itu, prestasi industri maklumat & komunikasi terus bertambah baik pada tahun 2021, didorong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi untuk aktiviti dalam talian dengan penerapan pendigitalan dan aturan kerja jarak jauh (*remote working*) yang lebih meluas sepanjang tahun.



Di samping itu, subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang membentuk komponen nilai ditambah PMKS terbesar dalam sektor perkhidmatan (66.0% daripada jumlah sumbangan) mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.5% pada tahun 2021 berbanding -7.7% pada tahun sebelumnya. Namun, penutupan sempadan antarabangsa dan sekatan perjalanan terus memberi tekanan kepada aktiviti perkhidmatan berkaitan pelancongan dan segmen yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch segments*) seperti hiburan dan aktiviti rekreasi. Perbelanjaan yang lebih lemah turut dicerminkan dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan yang masih menguncup sebanyak 5.8% pada tahun 2021 (2020: -10.3%), seterusnya menjelaskan lagi prestasi PMKS dalam sektor perkhidmatan.

Carta 2.3: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Subsektor Perkhidmatan (%)

Pertumbuhan tahunan (%)



*p*: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


## Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembuatan

Bagi tahun 2021, PMKS dalam sektor pembuatan memacu pertumbuhan KDNK PMKS. Nilai ditambah PMKS dalam sektor pembuatan meningkat semula untuk mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.5% (2020: -2.9%), terutamanya disebabkan oleh pengembangan dua angka dalam produk petroleum, kimia, getah dan plastik iaitu sebanyak 14.4% (2020: 3.2%) dan peningkatan ketara dalam produk mineral bukan logam, logam asas dan logam yang direka yang berkembang sebanyak 5.4% (2020: -13.3%) (rujuk Carta 2.4). Mencakupi 41.5% daripada jumlah nilai ditambah PMKS dalam sektor pembuatan, kedua-dua subsektor ini mendapat manfaat terutamanya daripada permintaan kukuh yang dipacu oleh pandemik (seperti sarung tangan getah, farmaseutikal dan peranti perubatan) sepanjang tahun.



Tambahan lagi, trend pertumbuhan yang lebih tinggi juga dapat dilihat bagi subsektor makanan, minuman dan tembakau kerana pertumbuhan subsektor tersebut bertambah baik sebanyak 4.6% pada tahun 2021 (2020: 1.9%) berikutan permintaan yang lebih kukuh dan perbelanjaan isi rumah dalam negeri yang bertambah baik dengan kebanyakan isi rumah berada dalam sekatan pergerakan berfasa. Subsektor ini dikategorikan sebagai aktiviti perlu (*essential activities*), justeru kebanyakan pemain PMKS dalam kedua-dua industri ini dibenarkan beroperasi seperti biasa. Di samping itu, subsektor pembuatan lain kembali kepada pertumbuhan positif sebanyak 8.3% (2020: -4.4%). Secara keseluruhannya, sekatan pergerakan dan penutupan sementara perniagaan terutamanya untuk aktiviti yang tidak perlu (*non-essential activities*) telah menyebabkan gangguan rantaian bekalan, namun sebahagian kesan tersebut dapat dikurangkan dengan adanya penerapan pendigitalan dan automasi yang meluas dalam kalangan pengeluar, serta langkah pentadbiran yang diambil seperti mewujudkan penimbang inventori (*inventory buffers*) dan berunding dengan pelanggan untuk meningkatkan pesanan.

Carta 2.4: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Subsektor Pembuatan (%)



Komposisi Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembuatan pada Tahun 2021

Pembuatan Keseluruhan	100.0
Produk Petroleum, Kimia, Getah dan Plastik	25.6
Makanan, Minuman dan Tembakau	22.0
Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Logam yang Direka	15.9
Lain-Lain Pembuatan	36.5



p: permutuan


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pertanian

Peningkatan yang sederhana dalam kalangan PMKS dalam sektor pertanian dapat dilihat apabila nilai ditambah firma dalam sektor ini meningkat semula sebanyak 1.9% pada tahun 2021 berbanding -0.7% pada tahun sebelumnya (rujuk Carta 2.5). Pertumbuhan ini didorong secara ketara oleh subsektor getah, kelapa sawit, penternakan dan pertanian lain yang berkembang sebanyak 2.5% (2020: 1.0%), terutamanya mendapat manfaat daripada permintaan yang dipacu oleh pandemik. Subsektor ini menyumbang sebahagian besar 80.6% daripada jumlah nilai ditambah PMKS dalam pertanian, seterusnya berjaya meningkatkan prestasi keseluruhan PMKS dalam sektor pertanian. Di samping itu, pemulihian ini juga turut dibantu oleh peningkatan semula dalam aktiviti perhutanan dan pembalakan sepanjang tahun kerana subsektor ini berkembang sebanyak 0.8% (2020: -19.3%). Sebaliknya, subsektor perikanan mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 0.8% (2020: -4.8%), sebagaimana disebabkan oleh sekatan terhadap pengangkutan dan pergerakan orang ramai yang telah menyebabkan cabaran logistik dalam kalangan nelayan.



Carta 2.5: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Subsektor Pertanian (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


## Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian

Kadar pemulihan PMKS dalam sektor pembinaan berada pada landasan yang betul dengan sektor tersebut mencatatkan penguncutan yang lebih kecil sebanyak 4.6% pada tahun 2021, daripada penguncutan dua angka sebanyak 15.4% pada tahun sebelumnya (rujuk Carta 2.6). Peningkatan ini disokong oleh pelonggaran langkah kawalan pergerakan dan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur pada tahun tersebut. Namun begitu, langkah kawalan pergerakan terus menjelaskan PMKS dalam sektor pembinaan, walaupun pada tahap yang lebih rendah. Kapasiti operasi yang terhad, kekurangan tenaga kerja susulan penutupan sempadan antarabangsa serta gangguan dalam rantai bekalan merupakan antara faktor utama yang mengakibatkan penguncutan berterusan nilai ditambah PMKS dalam sektor tersebut.

Selain itu, trend pemulihan yang sama turut diperhatikan dalam sektor perlombongan & pengkuarian yang mengalami penurunan yang lebih kecil sebanyak 3.1% pada tahun 2021 (2020: -8.1%). Sekatan langkah pembendungan yang ketat telah mengganggu aktiviti perlombongan, seterusnya menjelaskan secara ketara hampir 90% PMKS dalam sektor ini memandangkan mereka mempunyai penglibatan yang tinggi dalam aktiviti perlombongan kuari dan mineral.



Carta 2.6: Pertumbuhan Nilai Ditambah PMKS dalam Sektor Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian (%)




p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PRESTASI GUNA TENAGA PMKS PADA TAHUN 2021

Menyumbang hampir separuh daripada jumlah guna tenaga di Malaysia, PMKS memainkan peranan penting dalam membasmi kemiskinan di samping meningkatkan taraf hidup rakyat. Bagi tahun 2021, PMKS menggaji seramai 7.32 juta pekerja berbanding 7.25 juta pekerja yang diambil bekerja pada tahun 2020 (rujuk Carta 2.7). Perkara ini menunjukkan sedikit kenaikan sebanyak 0.9% atau sekitar 62,000 pekerja. Sebagai perbandingan, guna tenaga oleh bukan PMKS menunjukkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 1.7% atau kira-kira 132,000 pekerja, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Oleh itu, sumbangan PMKS kepada jumlah guna tenaga menurun kepada 47.8% (2020: 48.0%).

Carta 2.7: Bilangan Guna Tenaga dan Pertumbuhan Tahunan dari 2016 - 2021




p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada prestasi mengikut sektor, semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan positif dalam guna tenaga PMKS kecuali sektor pembinaan yang merosot sebanyak 0.7%. Memandangkan industri tersebut berintensifkan pekerja dengan kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing, pertumbuhan negatif dalam sektor pembinaan disebabkan oleh faktor seperti penutupan sementara sempadan, pengurangan pendapatan dan pemberhentian tapak projek pembinaan. Pertumbuhan positif guna tenaga PMKS pada tahun 2021 dipacu terutamanya oleh pengambilan pekerja yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan dan pertanian iaitu masing-masing pada 2.0% dan 1.5%. Sementara itu, sektor perkhidmatan yang membentuk hampir dua pertiga daripada guna tenaga PMKS berkembang sedikit pada 0.7% atau sekitar 31,000 pekerja. Carta 2.8 memaparkan komposisi guna tenaga PMKS mengikut sektor ekonomi yang didominasi oleh sektor perkhidmatan (63.2%), diikuti oleh sektor pembuatan (16.6%), pertanian (10.8%), pembinaan (9.1%) dan perlombongan & pengkuarian (0.3%).

Carta 2.8: Komposisi Guna Tenaga PMKS pada Tahun 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PRESTASI PRODUKTIVITI PEKERJA PMKS PADA TAHUN 2021

Produktiviti pekerja PMKS diukur dengan menggunakan nisbah nilai ditambah yang dijana oleh PMKS pada harga malar kepada jumlah guna tenaga PMKS di Malaysia. Produktiviti pekerja PMKS pada tahun 2021 telah meningkat secara marginal sebanyak 0.1% untuk mencapai nilai RM70,827 bagi setiap pekerja berbanding RM70,723 bagi setiap pekerja yang dicatatkan pada tahun sebelumnya (rujuk Carta 2.9). Meskipun firma dalam sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang kukuh sebanyak 6.3%, prestasi keseluruhan produktiviti pekerja PMKS terjejas dengan kemerosotan produktiviti pekerja dalam sektor pembinaan, perlombongan & pengkuarian dan perkhidmatan, lantas mengakibatkan produktiviti PMKS kekal tidak berubah pada tahun 2021.

Carta 2.9: Produktiviti Pekerja dan Pertumbuhan Tahunan dari 2016 - 2021



p: permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Membandingkan tahap produktiviti antara PMKS dan bukan PMKS, bukan PMKS mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi sebanyak 2.7% dengan mencecah RM108,923 bagi setiap pekerja pada tahun 2021. Hasilnya, produktiviti pekerja bukan PMKS adalah 1.5 kali ganda lebih tinggi daripada PMKS. Jurang produktiviti pekerja adalah ketara terutamanya dalam sektor perlombongan & pengkuarian pada kadar 13.1 kali ganda. Walau bagaimanapun, PMKS dalam sektor perlombongan & pengkuarian menjana nilai produktiviti tertinggi iaitu RM128,121 bagi setiap pekerja pada tahun 2021, manakala sektor pembinaan mencatatkan nilai terendah iaitu RM37,280 bagi setiap pekerja. Secara ringkasnya, penambahbaikan dalam pendigitalan dan penerapan teknologi moden secara berterusan adalah sangat diperlukan oleh PMKS bagi meningkatkan lagi penjanaan nilai ditambah yang akan menghasilkan produktiviti PMKS yang lebih tinggi dalam jangka panjang.

Secara ringkasnya,  
penambahbaikan dalam  
pendigitalan dan penerapan  
teknologi moden secara  
berterusan adalah sangat  
diperlukan oleh PMKS bagi  
meningkatkan lagi penjanaan  
nilai ditambah yang akan  
menghasilkan produktiviti  
PMKS yang lebih tinggi  
dalam jangka panjang

## PRESTASI EKSPORT PMKS PADA TAHUN 2021

Meskipun pandemik COVID-19 terus mengganggu perdagangan global dan menjelaskan rantaian bekalan, PMKS Malaysia yang berorientasikan eksport mampu untuk kekal berdaya tahan. Eksport PMKS berkembang sebanyak 5.4% pada tahun 2021, meningkat semula daripada penguncupan mendadak sebanyak 33.1% pada tahun 2020 (rujuk Carta 2.10). Eksport PMKS mencapai sejumlah RM124.3 bilion dari segi nilai (2020: RM117.8 bilion), dengan pertumbuhan disokong terutamanya oleh PMKS dalam sektor pembuatan dan pertanian. Sebagai perbandingan, pertumbuhan eksport pemain bukan PMKS pulih dengan kukuh sebanyak 24.9% (2020: -7.2%), lantas menggambarkan jalinan yang kuat dalam rantaian nilai global dan akses yang lebih meluas ke pasaran antarabangsa. Oleh itu, sumbangan PMKS kepada jumlah eksport pada tahun tersebut berkurang kepada 11.7% (2020: 13.5%).


Carta 2.10: Prestasi Eksport dan Pertumbuhan Tahunan dari 2016 - 2021



Memberi tumpuan kepada sektor ekonomi, statistik menunjukkan bahawa prestasi eksport PMKS dalam sektor pembuatan meningkat secara ketara sebanyak 16.7% pada tahun 2021 (2020: -3.6%). Pertumbuhan positif itu disebabkan oleh subsektor pelbagai pembuatan artikel, pembuatan barang dan produk kimia. Bagi komponen eksport PMKS, sektor pembuatan muncul sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah nilai eksport PMKS sejak pandemik melanda negara, sekaligus mengatasi sektor perkhidmatan. Sektor pembuatan berjaya meningkatkan kepentingannya untuk menyumbang lebih tiga suku daripada eksport PMKS pada tahun 2021 (2020: 69.3%), manakala sektor perkhidmatan kekal di tempat kedua tertinggi pada 21.1% (2020: 28.8%). Destinasi utama untuk eksport PMKS bagi sektor pembuatan adalah Singapura (18.8%), diikuti oleh China (16.5%) dan Amerika Syarikat (10.3%), sementara terdapat trend permintaan yang semakin meningkat dari India untuk produk pembuatan PMKS.

Di samping itu, eksport pertanian telah mendapat manfaat daripada pandemik memandangkan trend pertumbuhan momentum positif pada tahun 2020 adalah berterusan dan semakin kukuh pada tahun 2021. Sejumlah RM2.8 bilion telah dijana pada tahun 2021, dengan kadar pertumbuhan pada 20.4% yang merangkumi 2.3% daripada jumlah eksport PMKS. Pertumbuhan tersebut didorong terutamanya oleh peningkatan eksport buah-buahan, penternakan unggas dan sayur-sayuran, manakala eksport durian oleh PMKS yang termasuk produk segar, sejuk beku, pulpa dan pes menunjukkan peningkatan sebanyak 73.5% pada tahun 2021. Destinasi utama eksport PMKS sektor pertanian adalah Singapura (53.3%), diikuti oleh Jepun (7.7%) dan Thailand (7.2%).

Carta 2.11: Komponen Eksport PMKS dan Sumbangannya dari 2016 - 2021

*p: permulaan*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Walau bagaimanapun, pengembangan eksport PMKS pada tahun 2021 telah terjejas disebabkan penguncutan dua angka dalam sektor perkhidmatan selama dua tahun berturut-turut (2021: -22.6%, 2020: -62.1%) susulan industri pelancongan yang terjejas teruk. Perkara ini adalah selari dengan penutupan sempadan antarabangsa, sekatan perjalanan dan penutupan sementara di seluruh negara berikutan pelaksanaan PKP sepanjang tahun. Industri pelancongan, yang mana sebelum pandemik menyumbang lebih daripada satu pertiga eksport PMKS, mengalami kemerosotan yang ketara sebanyak 97.2% kepada hanya RM0.3 bilion pada tahun 2021 (2020: RM9.2 bilion). Landskap eksport yang tidak menggalakkan telah menonjolkan kebergantungan negara yang terlalu tinggi kepada aktiviti pelancongan yang mungkin memerlukan cara lain untuk PMKS dalam industri ini dibantu dengan lebih baik untuk menjadi lebih mampan dalam jangka panjang. Selain itu, prestasi eksport yang lebih rendah pada tahun 2021 juga disebabkan oleh permintaan luaran yang lebih lemah serta kekurangan pengantarabangsaan dalam kalangan PMKS.




## Artikel Khas

# Profil PMKS dari Tahun 2015 sehingga 2021


Landskap PMKS telah berkembang dengan baik sejak tahun 2015 hingga tahun 2021 baru-baru ini. Melihat kepada statistik terkini bagi tahun 2021, terdapat 1,226,494 PMKS yang beroperasi di Malaysia yang mewakili 97.4% daripada keseluruhan 1,258,763 firma (rujuk Carta 1). Terdapat peningkatan hampir 320,000 PMKS berbanding sejumlah 907,065 PMKS yang dicatatkan pada tahun 2015. Secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2015 - 2021, bilangan PMKS berkembang pada kadar pertumbuhan purata sebanyak 5.2% setiap tahun.

Carta 1: Profil PMKS dari Tahun 2015 sehingga 2021




Sumber: Malaysia Statistical Business Register, Jabatan Perangkaan Malaysia

Memberi tumpuan kepada saiz perniagaan, perusahaan mikro adalah paling lazim memandangkan perusahaan ini menyumbang bahagian terbesar kepada komponen PMKS (rujuk Carta 2). Dari tahun 2015 sehingga 2021, lebih daripada 270,000 perusahaan mikro baharu telah ditubuhkan, mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 5.6% setiap tahun. Pencapaian ini mencerminkan kejayaan inisiatif oleh Kerajaan dalam memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia dan usaha berterusan untuk meningkatkan pemformalan perniagaan. Selain itu, membandingkan struktur PMKS ini, firma bersaiz kecil juga mencatatkan pertumbuhan positif dari segi bilangan pertubuhan pada kadar 3.9% setiap tahun, namun firma bersaiz sederhana menyusut sebanyak 1.0% sepanjang tempoh tersebut. Bilangan firma bersaiz sederhana yang lebih rendah pada tahun 2021 mungkin susulan transisi PMKS menjadi pemain besar, lantas menandakan usaha pembangunan PMKS yang berhasil selama ini. Menumpu kepada komposisi terkini pada tahun 2021, perusahaan mikro meliputi 78.6% (964,495 firma) daripada jumlah pertubuhan PMKS, firma bersaiz kecil membentuk 19.8% (242,540 firma) dan baki 1.6% (19,459 firma) adalah PMKS bersaiz sederhana.



Sumber: Malaysia Statistical Business Register, Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi aktiviti ekonomi, sektor perkhidmatan (termasuk borong & runcit), secara konsisten mencakupi lebih 80% daripada semua PMKS dan berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 4.1% setiap tahun sepanjang tempoh 2015 - 2021. Dari tahun 2016 dan seterusnya, sektor pembinaan muncul sebagai sektor kedua terbesar selepas perkhidmatan, berjaya mengatasi bilangan pemain dalam sektor pembuatan yang sebelum ini berada di tempat kedua tertinggi pada tahun 2015 (rujuk Carta 3). Selain itu, penemuan terperinci merentas sektor menunjukkan pertumbuhan dua angka dalam penyertaan PMKS dalam sektor pertanian, pembinaan dan perlombongan & pengkuarian sepanjang tempoh tersebut masing-masing sebanyak 15.0%, 16.6% dan 32.0% setiap tahun. Pada tahun 2021, sektor perkhidmatan kekal sebagai sektor terbesar yang merangkumi 83.8% (1,028,403 firma) dan sektor pembinaan pada 8.0% (98,274 firma). Sementara itu, kira-kira 5.8% PMKS (71,612 firma) terlibat dalam sektor pembuatan, diikuti oleh 1.9% (23,633 firma) dalam sektor pertanian, manakala baki 0.4% (4,572 firma) dalam sektor perlombongan & pengkuarian.



Sumber: Malaysia Statistical Business Register, Jabatan Perangkaan Malaysia